

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 23/02/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 40

Sinar Harian (says 40) 23/02/2018

ASNM, MHSB meterai MoU

ASN Group optimis kukuh kedudukan menerusi industri digital

NUR SHARIEZA ISMAIL

ASN Satellites Corporation Sdn Bhd (ASN Group) optimis mengukuhkan kedudukannya menerusi industri digital di negara ini melalui memorandum kerjasama (MoU) yang dimeterai anak syarikatnya ASN Mobile Sdn Bhd (ASNM) dan MyAngkasa Holdings Sdn Bhd (MHSB), cabang dagang Angkatan

Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), semalam.

Kerjasama itu menandakan pencapaian baharu antara ASNM dan MHSB dalam mengadaptasi dunia digital sebagai sebahagian daripada penawaran pasaran untuk anggota Angkasa.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif ASNM, Zalifah Zakaria, platform GridDeck yang dibina ASNM memberi penekanan kepada penyambungan, pemeriksaan diri, pembelajaran sepanjang hayat dan kemasukan ke-wangan.

"Kami mahu rakyat daripada semua lapisan masyarakat mendapat akses kepada platform digital bersatu di dalam meningkatkan



MoU antara MHSB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Shaharuddin Mohamed (kiri) dan Zalifah Zakaria (dua, kanan). Turut bersama Hamzah Zainuddin (tengah).

kualiti hidup mereka," katanya.

Jelasnya, berlatar

belakangkan sebuah perusahaan sosial, ASNM mewujudkan ekosistem kom-

prehensi yang menyasarkan 40 peratus daripada masyarakat mengambil bahagian

dengan inisiatif kerajaan secara digital.

Grid Deck menjangka akan menghubungkan penyedia perkhidmatan digital dan rakan kongsi lain untuk menetapkan dan memenuhi jangkaan pelanggan.

Pada majlis sama, ASN Group melalui ASN Networks Corporation Sdn Bhd (ASNN) telah menandatangani satu lagi perjanjian kerjasama dengan Universa Blockchain sebagai sebahagian daripada komponen teknologi teras Kumpulan.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia